

# Buktikan umat dinamik: PM

Laporan Tajuddin Saman

B.H 17 OCT 1993

PETALING JAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam perlu membuktikan diri sebagai umat yang dinamik serta progresif jika mereka mahu menjadikan Islam sebagai laluan alternatif bagi insan di seluruh dunia.

Menurut Perdana Menteri, bagi mencapai matlamat itu, umat Islam harus mampu memenuhi keperluan kerohanian dan kebendaan insan dengan menyediakan wadah mengikut ajaran agama yang suci itu.

Dalam hubungan itu, katanya, terpulang kepada umat Islam untuk menangani cabaran itu dan memupuk budaya Islam untuk dijadikan keperluan seluruh komuniti di dunia.

Beliau berkata demikian dalam perutusan pada buku cenderamata Persidangan Globalisme



dan Ummah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang dianjurkan bersama oleh Yayasan Usaha Membantu Membina Insan (Ummi) dan UIA di universiti itu, semalam.

Dr Mahathir berkata, seluruh orde mini dunia Komunis yang ditegakkan 70 tahun lalu sebagai cabaran utama kepada agama dan sebagai satu reformasi kepada dunia ekonomi kapitalisme serta orde politik imperialisme. kini su-

dah berkubur.

Bagaimanapun, katanya, dalam masa yang sama, Barat masih berdepan dengan pelbagai masalahnya sendiri dan ia tidak mungkin dapat menyediakan wadah yang boleh diterima sebagai model bagi umat manusia di seluruh dunia.

Oleh itu, katanya, persidangan itu diharapkan dapat menganalisis implikasi mengenai perubahan yang berlaku itu bagi kepentingan dunia Islam sendiri.

Menurutnya, perubahan besar yang terbentuk tanpa keganasan revolusi dan sedang mengambil tempat di seluruh dunia sekarang tidak lagi berada dalam kawalan bekas broker kuasa dunia pada masa lalu.

Katanya, keruntuhan komunisme sebagai alternatif utama kepada dunia ekonomi kapitalisme yang

menguasai pusat kuasa Eropah dan orde dunia imperialisme menyebabkan Islam muncul sebagai alternatif baru kepada Barat sendiri.

Ini, katanya, kerana keruntuhan Komunisme tidak bermakna kemenangan kepada sistem demokratik liberal yang mengamalkan dasar pasaran bebas tetapi inilah tanda-tanda yang menunjukkan suatu kemusnahan besar berlaku kepada dunia.

Dr Mahathir berkata, adalah jelas orde dunia kini sedang mengharungi perubahan besar walaupun kelajuan perubahan itu tidak dapat dijangka.

Dalam konteks itu, umat Islam perlu memahami perubahan yang berlaku bagi menyiapkan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi yang sedang mengambil tempat pada dunia unipolar baru